

# Kaedah dan Pelaksanaan Hukuman Sebat: Satu Penilaian

Prof. Madya Paizah Hj. Ismail\*

Tajuk ini ditulis untuk melihat sejauhmanakah permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan hukuman sebat mengikut undang-undang jenayah Islam. Setakat ini kurang huraian dibuat berhubung dengan bagaimana sebenarnya pelaksanaan hukuman bagi kesalahan jenayah mengikut undang-undang jenayah Islam secara umum dan hukuman sebat secara khusus. Apa yang selalu dihuraikan ialah berkisar teori hukuman tersebut dan penulisan tentangnya banyak dibuat oleh para sarjana ilmu dan hukum Islam.

Umumnya, hukuman sebat merupakan salah satu hukuman yang disyariatkan oleh Islam atas beberapa kesalahan tertentu. Malah lebih daripada itu hukuman tersebut pernah dilaksanakan pada zaman Nabi s.a.w. dan para sahabat juga pemerintahan Islam terdahulu. Walaupun dalam beberapa hal dan keadaan perlaksanaannya berbeza, namun ia merupakan hukuman yang mempunyai ciri-ciri dan kaedah pelaksanaan yang khusus bagi setiap zaman dan semua tempat serta keadaan.

---

*\*Prof. Madya di Fakulti Syariah Universiti Malaya dalam bidang Perundangan Islam. Penulis buku Undang-undang Jenayah Islam, terbitan Dewan Pustaka Islam.*

## Jenis Kesalahan yang Dihukum dengan Sebat

Walaupun kesalahan jenayah dalam undang-undang Islam terbahagi kepada tiga jenis iaitu kesalahan Qisas dan Diat, kesalahan Hudud dan kesalahan Ta'zir, namun hukuman sebat hanya diperuntukkan atas kesalahan tertentu daripada jenayah hudud dan ta'zir. Manakala dalam jenayah qisas dan diat tidak terdapat peruntukan sebat sama sekali.

Hukuman sebat yang diperuntukkan atas kesalahan hudud bersifat mandatori dan rigid.

Oleh kerana ia telah diperuntukkan secara terperinci oleh syarak atas kesalahan yang menyentuh hak Allah s.w.t. atau sebagai hak awam tanpa sebarang hukuman alternatif yang boleh menggantinya. Berbeza dengan hukuman sebat dalam kesalahan ta'zir. Ia tidak bersifat mandatori dan rigid kerana ketentuan hukuman ta'zir, dalam banyak hal dan keadaan bukan dibuat secara langsung oleh syarak. Sebaliknya ia dibuat oleh pihak pe-merintah atau mahkamah berdasarkan keperluan yang wujud serta sesuai dengan kesalahan yang dilakukan. Oleh kerana itu, dalam jenayah ta'zir ia boleh dijadikan sebagai hukuman utama atau hukuman alternatif kepada hukuman ta'zir yang lain mengikut kesesuaian atau keperluan yang dirasakan oleh pihak pemerintah.<sup>1</sup>

Mengulas tentang hukuman sebat dalam kesalahan ta'zir 'Abd. Qadir Audah berkata: Sebat merupakan hukuman yang paling sesuai dikenakan terutama dalam kes yang serius, berbanding dengan hukuman lain seperti penjara, buang daerah atau sebagainya. Hal ini kerana ia lebih menjamin pencapaian matlamat pelaksanaan hukuman tersebut terutama bagi penjenayah yang berbahaya. Ia dianggap sesuai kerana sifat sebat itu boleh ditambah atau dikurangkan. Hal ini sesuai dengan tabiat hukuman ta'zir yang lebih melihat aspek tertentu yang perlu diambil kira dalam menjatuhkan dan melaksanakan hukuman ke atas pesalah. Di samping itu, ia boleh dianggap sebagai salah satu cara mengatasi kesesakan dalam penjara yang akibatnya boleh menimbulkan pelbagai masalah lain seperti pembaziran tenaga, gangguan kesihatan, akhlak dan sebagainya.<sup>2</sup>

## Peruntukan Sebat

Peruntukan hukuman sebat ini boleh dilihat secara jelas pada kesalahan tertentu daripada kesalahan hudud, iaitu zina, menuduh zina (qazaf) dan kesalahan meminum arak. Dalam kesalahan zina ia diperuntukkan atas pezina yang bukan muhsan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka sebatlah mereka seratus kali sebat.”*

(24:2).

Sabda Nabi s.a.w.:

*“Ambillah daripadaku, sesungguhnya Allah s.w.t. telah menentukan jalan bagi mereka, dara dengan teruna sebat seratus kali dan buang daerah selama setahun.”*<sup>3</sup>

Dalam kesalahan qazaf atau menuduh zina, peruntukan hukuman ini terkandung dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Dan mereka yang menuduh wanita yang baik-baik (berbuat zina) kemudian tidak dapat mengadakan empat saksi maka pukullah mereka lapan puluh kali pukul dan janganlah kamu terima kesaksian mereka sama sekali. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik.”*

(24:4).

Bagi kesalahan meminum arak pula peruntukan hukuman sebat ini terdapat dalam as-Sunnah. Sabda Nabi s.a.w.:

*“Barangsiapa minum arak maka pukullah dia.”*<sup>4</sup>

Walaupun terdapat kurang peruntukan sebat secara khusus dalam kesalahan ta'zir, namun tidak bererti kesalahan tersebut tidak boleh dikenakan dengan hukuman sedemikian. Hal ini kerana kesalahan ta'zir merupakan kesalahan yang tidak ditentukan bentuk hukumannya secara khusus oleh syarak sepertimana yang berlaku pada kesalahan qisas dan diat dan kesalahan hudud. Penentuan hukuman atas kesalahan sedemikian terserah kepada budi bicara pemerintah dengan meraikan lunas-lunas syariat dan keadilan.

Kewajaran menjadikan hukuman sebat sebagai salah satu daripada hukuman ta'zir bersandarkan hadis Nabi s.a.w. yang berbunyi: “Tidak boleh disebat seseorang lebih daripada sepuluh kali sebat kecuali bagi kesalahan hudud.”<sup>5</sup> Ibnu Farhun<sup>6</sup> menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan sebat dalam hadis di atas ialah sebagai hukuman ta'zir.

Berdasarkan peruntukan inilah maka hukuman sebat diterima oleh para khulafa' ar-Rasyidun dan pemerintah Islam sesudahnya sebagai salah satu hukuman ta'zir. Dengan penerimaan itu ia dianggap sebagai hukuman yang dipersetujui secara ijma'.<sup>7</sup>

### **Kadar Bilangan Sebat**

Kadar bilangan sebat atas kesalahan hudud diperuntukkan dengan jelas oleh al-Quran atau as-Sunnah, iaitu seratus kali sebat bagi kesalahan zina, dan lapan puluh kali sebat bagi kesalahan menuduh zina<sup>8</sup> (qasaf).<sup>9</sup> Manakala bagi kesalahan meminum arak pula sebanyak empat puluh kali sebat mengikut pendapat sebahagian fuqaha.<sup>10</sup> Sedangkan dalam kesalahan ta'zir, kebanyakan peruntukan tentangnya dibuat oleh al-Quran atau

as-Sunnah dengan cara yang lebih umum tanpa menyebut kadar bilangan yang seharusnya dikenakan. Contohnya ialah hukuman atas kesalahan mendurhakai suami. Firman Allah s.w.t.:

*“Wanita-wanita yang kamu khawatiri nusyuznya maka nasihatilah mereka dan pisahkan diri dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka.”*

(4:34)

### **Kadar Maksimum Dan Minimum Bagi Sebat Ta'zir**

Tidak terdapat peruntukan secara jelas menentukan kadar maksimum yang seharusnya dikenakan atas kesalahan ta'zir. Hal ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dan pandangan di kalangan fuqaha dalam menentukan kadar maksimum yang boleh dikenakan atas kesalahan tersebut.

Menurut pendapat yang masyhur dalam mazhab Maliki,<sup>11</sup> terpulanglah kepada pihak pemerintah untuk menentukannya. Hal ini kerana hukuman ta'zir diharuskan untuk kepentingan umum.

Pada pandangan mazhab ini, seseorang yang melakukan kesalahan boleh disebat lebih daripada seratus sebatan, iaitu melebihi hukuman ke atas kesalahan hudud. Hal ini kerana tiada kadar maksimum yang tetap dalam kes ta'zir ini.

Mazhab lain telah menetapkan kadar tertentu, walau bagaimanapun ia berbeza antara satu sama lain. Imam Syafi'i<sup>12</sup> menetapkan kadar tersebut tidak boleh melebihi kadar minimum sebatan yang dikenakan atas kesalahan hudud iaitu dua puluh. Hal ini kerana dua puluh kali sebatan adalah kadar minimum yang dikenakan ke atas kesalahan hudud. Pendapat ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Sesiapa yang telah melebihi hukuman hudud bagi kesalahan yang bukan hudud, dia adalah orang yang melampaui batas.”<sup>13</sup>*

Manakala Imam Ahmad pula<sup>14</sup> menentukan bilangan tersebut tidak boleh melebihi sepuluh kali sebatan berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Tidak boleh disebat seseorang lebih daripada sepuluh kali sebatan kecuali bagi kesalahan hudud.”<sup>15</sup>*

Pada asasnya, perbezaan pendapat di kalangan fuqaha dalam masalah ini disebabkan adanya dua hadis Rasulullah s.a.w. yang memberikan pengertian yang berbeza antara satu sama lain. Dalam suatu hadis Rasulullah s.a.w. bersabda:

*“Sesiapa yang telah melebihi hukuman hudud bagi kesalahan yang bukan hudud, dia adalah orang yang melampaui batas.”*

Manakala dalam hadis lain pula baginda bersabda:

*“Tidak boleh disebat seseorang lebih daripada sepuluh sebatan kecuali bagi kesalahan hudud.”*

Di samping itu, terdapat juga pelaksanaan yang berbeza oleh para sahabat seperti Sayidina 'Umar dan 'Ali r.a. Dirikan bahwa Ma'n bin Zaidah telah membuat cop palsu yang menyerupai cop baitul mal bagi membolehkannya mengambil wang dari baitul mal. Perbuatan beliau itu telah sampai ke pengetahuan 'Umar, Khalifah Islam pada waktu itu. 'Umar lalu menjatuhkan hukuman sebat sebanyak seratus kali ke atasnya. Sayidina Ali juga telah menjatuhkan hukuman sebat seratus kali ke atas seorang lelaki yang telah melakukan dua kesalahan serentak, iaitu meminum arak dalam bulan Ramadhan. Dia telah disebat lapan puluh kali kerana minum arak dan dua puluh kali kerana minum pada siang hari bulan Ramadhan.<sup>16</sup>

Berdasarkan hukuman yang dibuat oleh Sayidina 'Umar dan 'Ali inilah Imam Malik berpegang dengan pendapatnya. Bagi beliau, kedua-dua hadis Rasulullah s.a.w. yang dirikan di atas mungkin telah dimansuhkan. Manakala mazhab lain pula berpegang dengan kedua-dua hadis Rasulullah s.a.w. yang tersebut.

Berhubung dengan kadar minimum pula, sebahagian besar fuqaha tidak menentukannya. Hal ini kerana kesan pencegahan biasanya berbeza antara seseorang.<sup>17</sup>

### **Fleksibiliti Dalam Pelaksanaan Sebat**

Oleh kerana hukuman sebat bukan bertujuan menyiksa atau menyakiti pesalah tetapi sebaliknya untuk pencegahan dan pengajaran di samping pendidikan dan pemulihan, maka ia perlu dilaksanakan dengan lebih teliti dan berhati-hati agar matlamatnya tercapai. Sikap berhati-hati Islam dalam soal ini boleh dilihat bermula dari prasyarat hinggalah kepada alat atau tatacara pelaksanaan sebat.

Sebelum sebarang hukuman sebat dilaksanakan, harus dipastikan bahwa pesalah berkenaan berkeadaan yang membolehkan dia disebat dan hukuman tersebut tidak akan membahayakan dirinya. Pertimbangan atas asas seperti kesihatan, keadaan diri dan cuaca yang sesuai perlu dilakukan sewajarnya.

Walaupun hukuman sebat atas kesalahan hudud bersifat rigid, namun kerigidan itu hanya dalam menentukannya sahaja. Sebaliknya dalam pelaksanaan ia bersifat fleksibel. Hal ini terbukti daripada tindakan Nabi s.a.w. dan para sahabat. Dirikan Nabi s.a.w. telah menangguhkan pelaksanaan hukuman sebat ke atas seorang perempuan yang baru bersalin akibat perbuatan zina kerana perempuan tersebut masih dalam tempoh nifas. Kata Baginda:

*“Aku bimbang dia akan mati sekiranya dia aku sebat.”<sup>18</sup>*

Begitu juga dirikan bahwa Sayidina 'Ali telah bertindak menangguhkan hukuman sebat yang telah diputuskan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas seorang perempuan

yang masih berada dalam keadaan lemah kerana baru bersalin. Tindakan `Ali itu telah dipuji oleh Rasulullah s.a.w. dengan katanya:

*"Engkau telah bertindak betul."* <sup>19</sup>

Begitu juga hukuman sebat wajib ditangguhkan atas alasan pesalah berkenaan sakit. Cuma jika sakitnya tiada harapan sembuh, hukuman akan dilaksanakan juga bagi memenuhi hukuman Allah s.w.t. tetapi dengan cara yang khusus dan berbeza dari pelaksanaan biasa. Hal ini jelas daripada tindakan Nabi s.a.w. ke atas seorang lelaki yang telah berzina dan kemudiannya sakit. Baginda s.a.w. memerintahkan para sahabat mencari seratus ranting halus dari pokok tamar lalu dihipunkan menjadi satu. Baginda memukul lelaki itu dengan ranting tersebut sekali pukul sahaja.<sup>20</sup>

Berdasarkan tindakan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, jelaslah bahawa hukuman sebat atas kesalahan hudud bersifat fleksibel perlaksanaannya. Hal ini bererti beberapa perkara yang berkaitan dengan perlaksanaannya akan berubah mengikut keadaan tertentu yang berlaku atau mungkin berlaku terutama yang berkaitan dengan diri pesalah. Begitu juga dengan pelaksanaan sebat atas kesalahan ta'zir. Ia lebih bersifat fleksibel, kerana kesalahan dan hukuman ta'zir pada asasnya lebih bersifat fleksibel.

Oleh kerana hukuman sebat itu dari segi perlaksanaannya bersifat fleksibel, maka perlaksanaannya mungkin berbeza sama ada dari segi cara, sifat atau alat sebat mengikut keadaan. Dalam konteks ini kebanyakan fuqaha misalnya, bersetuju bahawa cara pelaksanaan sebat ke atas pesalah lelaki dan wanita adalah berbeza. Mengikut mazhab Syafi'i, Hanafi dan Hanbali pesalah lelaki disebat dalam keadaan berdiri, manakala pesalah wanita disebat dalam keadaan duduk supaya auratnya tidak terbuka. Manakala Imam Malik pula mengatakan kesemuanya disebat dalam keadaan duduk.<sup>21</sup>

### **Sifat Dan Cara**

Sebat hendaklah dilakukan dengan cara yang sederhana, tidak terlampau kuat dan tidak terlampau perlahan. Mengikut fuqaha, penyebat tidak boleh mengangkat tangannya hingga melebihi paras kepala. Hal ini bererti dia hanya boleh mengangkat tangannya sahaja tanpa mengangkat lengannya

Sebat juga hendaklah dilakukan secara berturut-turut di merata-rata tempat pada bahagian tubuh kecuali tempat yang boleh membahayakan seperti muka, kepala dan kemaluan. Hanya Imam Malik sahaja berpendapat sebat semestinya ke atas belakang dan bahagian sekitarnya.<sup>22</sup> Begitu juga pukulan sebat hendaklah dibanyakkan pada tempat yang berisi dan berdaging seperti paha atau punggung. Diriwayatkan bahawa Imam Ali pernah berkata kepada tukang sebatnya:

*"Berikan kepada semua anggota akan haknya dan peliharalah muka dan kemaluan."*<sup>23</sup>

## Alat Sebat

Melihat huraian yang diberikan oleh fuqaha dalam penulisan mereka berdasarkan apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. didapati bahawa alat yang digunakan bagi melaksanakan sebat bukan terdiri daripada satu sahaja, sebaliknya ia terdiri daripada pelbagai jenis yang berbeza mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Hal ini menunjukkan bahawa dari segi ini juga ada sifat fleksibel.

Dalam penulisan tersebut terdapat kenyataan mengenai penggunaan alat seperti 'saut' (kayu) dan 'asa' (tongkat), di samping alat lain seperti pelepah tamar, kasut, hujung kain dan tangan.

Saut telah dihuraikan oleh asy-Syaukani<sup>24</sup> sebagai ranting kayu yang sederhana besarnya. Sifatnya tidak terlalu basah dan tidak terlalu kering, juga tidak terlalu lama dan tidak terlalu baru. Ia bukan daripada kayu yang boleh menyebabkan patah tulang atau luka. Lilitnya sebesar jari dan panjangnya sehasta. Huraian ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Aslam bahawa seorang lelaki telah mengaku berzina di hadapan Nabi s.a.w. Maka Nabi telah meminta sebatang kayu untuk menyebatnya. Lalu dibawa kepada Baginda sebatang kayu yang sudah pecah. Nabi s.a.w. meminta yang lebih baik sedikit daripada itu. Lalu di bawa kepadanya sebatang kayu yang masih baru dan masih terdapat buah melekat padanya. Kata Nabi s.a.w. antara dua ini. Lalu di bawa kepadanya yang lebih lembut dan Nabi terus menyebatkan lelaki tersebut. Huraian yang sama juga telah dibuat oleh asy-Syarbini al-Khatib.<sup>25</sup>

Umumnya fuqaha bersetuju bahawa alat penyebatan, sama ada dalam kesalahan Hudud atau kesalahan ta'zir hendaklah dalam bentuk yang lebih sederhana serta dapat mencapai tujuan perlaksanaan hukuman tersebut. Hukuman sebenarnya bukanlah bertujuan menyakitkan pesalah atau memudaratkannya, tetapi bertujuan memulih dan mencegahnya daripada melakukan kesalahan pada masa akan datang. Sebarang alat yang boleh mendatangkan kemudatan kepada pesalah tidak dibenarkan oleh Islam untuk digunakan.

Berasaskan tujuan ini dan apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., fuqaha lebih bersetuju menerima alat 'as-saut' atau mengikut apa yang ditafsirkan oleh mereka ranting kayu yang sederhana bentuknya untuk dijadikan alat penyebatan bagi semua kesalahan sama ada kesalahan hudud atau kesalahan ta'zir kecuali kesalahan meminum arak. Dalam kesalahan tersebut sebahagian fuqaha berpendapat pesalah boleh disebat dengan pelbagai cara sama ada dengan tangan atau kasut atau hujung kain. Hal ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawa seorang lelaki telah dibawa bertemu Rasulullah s.a.w. kerana meminum arak. Rasulullah s.a.w. menyuruh para sahabat menyebatkan lelaki berkenaan. Kata Abu Hurairah, ada antara kami yang memukulnya dengan tangan, ada yang memukulnya dengan kasut dan ada yang memukulnya dengan kain.<sup>26</sup>

Pendapat ini tidak dipersetujui oleh sebahagian besar fuqaha. Ibnu Qudamah<sup>27</sup> dalam menolak pendapat tersebut berkata keputusan menerima as-saut sebagai alat penyebatan bagi semua kesalahan adalah berdasarkan apa yang dilakukan oleh Khulafa' ar-Rasyidun. Sedangkan hadis Abu Hurairah hanyalah berhubung dengan kes yang

berlaku pada permulaan Islam. Hal ini adalah kerana Nabi s.a.w. sendiri sesudah itu melakukannya dengan as-saut.

Berdasarkan alat sebat yang pernah digunakan oleh Nabi s.a.w. dan para sahabat dengan mengambil kira penafsiran yang dibuat oleh fuqaha tentangnya, ternyata bahawa rotan tidak pernah digunakan. Hal ini adalah kerana rotan merupakan alat yang menyakitkan dan melukakan berbanding dengan saut.

### **Kesimpulan**

Sama ada dalam kes hudud ataupun ta'zir, sebat diterima oleh undang-undang jenayah Islam sebagai suatu metod yang berkesan dalam melaksanakan hukuman ke atas pesalah dalam kesalahan jenayah. Tujuannya tidak banyak untuk menyiksa tetapi sebaliknya mendidik dan memberi kesedaran.

Hukuman yang dikenakan itu diharapkan boleh meninggalkan kesan yang mendalam di hati pesalah berkenaan. Ia bukan kerana sakit dan pedihnya sebatan itu semata-mata tetapi kerana tajamnya cemuhan masyarakat yang ada di sebalik pelaksanaan hukuman berkenaan.

Berasaskan konsep dan objektif tersebut, maka undang-undang jenayah Islam tidak menganggap sebat sebagai suatu hukuman kasar yang tidak sesuai dengan perkembangan tamadun manusia. Dari segi aplikasinya pula, pelaksanaan hukuman tersebut dilakukan dengan begitu fleksibel dengan mengambil kira keadaan pesalah, waktu dan ketika yang munasabah, alat yang sesuai, kekuatan yang munasabah dan sebagainya.

Dalam usaha mempopularkan hukuman sebat pada hari ini, aspek prosedur dalam pelaksanaan itu perlu diperincikan dengan sejelas-jelasnya jika ia dinamakan hukuman Islam. Hal ini perlu dilakukan sama ada melalui penguatkuasaan di bawah undang-undang mahkamah syariah di negeri-negeri ataupun melalui undang-undang jenayah biasa. Sesungguhnya ia berbeza daripada hukuman rotan sebagaimana yang dilaksanakan di bawah undang-undang Barat yang dilaksanakan di Malaysia sekarang. Kegagalan untuk menjelaskan secara tepat dan terperinci ini bukan sahaja tidak memungkinkan tercapainya objektif asal hukuman berkenaan tetapi juga boleh menjejaskan imej undang-undang Islam sendiri sebagai suatu sistem yang sentiasa maju dan bermaruah tinggi.



## Nota Kaki

1. Lihat huraian-huraian berkenaan dalam buku *at-Tasyri' al-Jinai* oleh 'Abd. Qadir Audah, Jld. 1, m.s. 685-686.
2. Ibid, 'Abd. Qadir Audah, Jld. 1, m.s. 689-690.
3. Asy-Syaukani, *Nail al-Autar*, Jld. 7, m.s. 249.
4. Ibid, Jld. 7 m.s. 324.
5. Hadis Muttafaq 'alaih, lihat Ibnu Qudamah, Jld. 9, m.s. 179.
6. Tabsirah al-Hukkam, Jld. 2, m.s. 200.
7. 'Abd. 'Aziz 'Amir, *at-Ta'zir fi asy-Syariah al-Islamiyyah*, m.s. 329-330.
8. Surah 24:2.
9. Surah 24:4.
10. Lihat asy-Syaukani, op.cit., Jld. 7, m.s. 314-324.
11. Al-Hattab, *Mawahib al-Jalil*, Jld. 6, m.s. 319.
12. Asy-Syarbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Jld. 4, m.s. 193.
13. Ibid.
14. Ibnu Qudamah, *al-Mughni wa asy-Syarh al-Kabir*, Jld. 10, m.s. 347.
15. Asy-Syaukani, op.cit., Jld. 10, m.s. 328.
16. Ibnu Qudamah, op.cit., m.s. 248.
17. Al-Kasani, *Bada'i as-Sana'i*, Jld. 7, m.s. 94, 'Abd. Qadir Audah, op.cit., m.s. 693, 'Abd. 'Aziz 'Amir op.cit., m.s. 343.
18. Asy-Syaukani, op.cit., Jld. 7, m.s. 281.
19. 'Abd. Rahman al-Jaziri, *Kitab al Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*, Jld. 5, m.s. 53.
20. Lihat huraian hadis dalam Nail al-Autar, Jld. 7, m.s. 284.
21. Lihat Ibnu Qudamah, op.cit., m.s. 339, asy-Syarbini al-Khatib, op.cit., m.s. 190-191, Ibnu Rusd, *Bidayah al-Mujtahid*, Jld. 2, m.s. 476.
22. Ibid.

23. Asy-Syarbini al-Khatib, op.cit., Jld. 4, m.s. 190.
24. Nail al-Autar op.cit., Jld. 7, m.s. 285.
25. Mughni al-Muhtaj, op.cit., Jld. 4, m.s. 190.
26. Asy-Syaukani, op.cit., Jld. 7, m.s. 314.
27. Al-Mughni wa asy-Syarh al-Kabir, Jld. 10, m.s. 338.